

29/08/1999

Usah leka dengan pemulihan

KEMELESETAN ekonomi negara yang dialami sejak lebih setahun lalu memang sudah berakhir apabila ekonomi negara mencatatkan pertumbuhan 4.1 peratus dalam tempoh April hingga Jun lalu. Namun, ini tidak bermakna ekonomi negara sudah kembali kepada seperti kedudukan asal. Ia adalah peringkat awal pemulihan yang masih belum terjamin sama ada ia terus meningkat atau sebaliknya. Jalan di hadapan masih berliku yang memerlukan kerjasama berterusan daripada semua pihak. Usaha yang gigih daripada setiap sektor, malah setiap individu tanpa kira kedudukan masing-masing, begitu diperlukan bagi memastikan, keadaan benar-benar meyakinkan. Paling penting, kadar pertumbuhan ekonomi negara perlu ditingkatkan semula sebagaimana dialami sebelum 1997. Kelmarin, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyatakan kebimbangannya jika rakyat terlalu menaruh harapan yang terlalu tinggi terhadap keadaan ekonomi negara yang sedang pulih sekarang. Kebimbangan Dr Mahathir itu berasaskan kepada sikap rakyat yang mula melakukan tindakan yang membolehkan keadaan ekonomi kucar-kacir semula. Jika semua rakyat mulai leka, ia akan memberi kesan yang buruk kepada ekonomi. Peranan membetulkan semula landasan ekonomi sesudah mengalami kemelesetan berikutan tindakan spekulator mata wang antarabangsa, adalah tugas semua rakyat. Ia perlu bermula daripada setiap individu dan keluarga. Rakyat memang digalakkan berbelanja untuk menggerakkan pemulihan ekonomi. Tetapi, jika mereka mula mengamalkan tabiat asal dengan membeli barangan import, ia tidak membantu pemulihan. Sebaliknya, jika mereka berbelanja mengikut keperluan, tambahan pula barangan buatan Malaysia, ia adalah amalan yang baik. Jangan nanti, selepas mengetahui kemelesetan ekonomi negara sudah pulih, mereka berlumba-lumba membeli barangan yang dibawa masuk dari luar negara.

Faktor yang teramat penting bagi memastikan pertumbuhan ekonomi yang mapan ialah kestabilan politik. Jika keselamatan negara dalam keadaan huru-hara, tidak ada mekanisme yang boleh memperbaiki keadaan. Perkara ini agak mendesak kerana kebelakangan ini tindakan sesetengah pihak melakukan perbuatan yang boleh menjejaskan kemasukan pelabur asing, begitu ketara. Pelabur asing pastinya ragu-ragu untuk menanam modal di negara berikutan sikap agresif parti pembangkang yang menghentam kerajaan yang disebarkan oleh media asing. Walaupun tuduhan mereka terhadap kerajaan tidak berasas, hakikatnya tindakan mereka itu boleh membantutkan pertumbuhan ekonomi. Jika keadaan menjadi buruk semula, golongan inilah yang akan dipersalahkan.

Dalam usaha memulihkan ekonomi, setiap pihak termasuk parti pembangkang seharusnya bergerak menerusi satu suara. Sebaliknya, apa saja yang dilakukan oleh kerajaan untuk memulihkan semula ekonomi diperlecehkan. Ke sana ke mari mereka mengecam kerajaan dengan pelbagai cerita rekaan. Sama ada sedar atau tidak, perbuatan mereka itu adalah menipu rakyat terutama orang kampung yang kurang arif mengenai isu ekonomi. Bagi rakyat, mereka seharusnya berani mempersoalkan tindakan parti-parti pembangkang yang masuk ke tempat mereka untuk menyampaikan dakwah itu.

Sebagaimana dijelaskan oleh Dr Mahathir bahawa ekonomi negara masih rapuh dan risikonya masih ada walaupun kerajaan sudah mengambil banyak langkah bagi memulihkan semula ekonomi. Apakah kerajaan melakukan semua ini untuk kepentingan pihak-pihak tertentu?. Kerajaan melakukannya, walaupun mendapat tentangan daripada pelbagai pihak, adalah semata-mata untuk kepentingan rakyat. Kerajaan berusaha dengan pelbagai cara untuk

menghindarkan rakyat daripada terus menerus hidup dalam kesempitan. Oleh itu, rakyat seharusnya terus berdiri di belakang kerajaan untuk menolak sesiapa saja yang cuba memburukkan semula keadaan ekonomi negara yang akhirnya akan memberi kesan buruk terhadap setiap individu.

(END)